

# Fahami konsep hijrah

# Rasulullah

Sinor HARIAN (03/09/2021)

MIS 21

## Bertekad untuk berubah

Sempena sambutan Awal Muharam baru-baru ini, umat Islam diseru untuk terus memperingati hijrah dan perjuangan baginda sepanjang menjadi utusan ALLAH SWT.


Nabi Muhammad SAW tidak pernah menyerah kalah atau berputus asa dalam menyampaikan dakwah, meskipun berdepan dengan pelbagai tentangan dan dugaan daripada kaum Quraisy.

Pendekatan itu membuktikan betapa kuat dan tabahnya baginda bertahan bagi menegakkan agama ALLAH SWT.

ALLAH SWT berfirman yang bermaksud: *"Dan orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan ALLAH, dan orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada Muhajirin), mereka itulah orang yang benar-benar beriman. Mereka beroleh keampunan dan rezeki yang mulia."* (Surah al-Anfal, ayat 74)

Jika mengulas tentang situasi pada hari ini, cabaran yang harus direntas oleh umat Islam adalah berdepan dengan penularan pandemik Covid-19 yang menakutkan.

Penularan virus tersebut telah memberi impak yang sangat membimbangkan dari aspek kesihatan,



“Umat Islam mestilah berdisiplin dan beristiqamah. Sentiasa bermuhasabah dan tanamkan dalam diri untuk berubah dengan niat ikhlas dan lakukannya dengan bersungguh-sungguh.”

Tanpa menoleh sedikit pun ke belakang, kita segera bertekad dan akur dengan perintah ALLAH SWT untuk menunaikan ibadah yang dituntut itu bukan sahaja bagi kemaslahatan diri, malah demi memberi manfaat kepada lebih ramai asnaf yang memerlukan pendapatannya disebabkan pandemik.

Oleh itu, marilah sama-sama kita menjadikan permulaan tahun baharu ini sebagai titik tolak bagi meningkatkan keazaman untuk berubah, baik dari segi amalan mahupun melakukan perbuatan

Baginda berkorban dan berjaya mendepani pelbagai cabaran

Oleh DATUK IBRAHIM FADZIL  
(Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka, Majlis Agama Islam Melaka)

**A**WAL Muharam atau Maal Hijrah merupakan hari penting bagi umat Islam. Masakan tidak, ia mencatatkan satu peristiwa penting dalam kalendar sejarah agama suci ini yang memperingati penghijrahan Nabi Muhammad SAW dari Kota Makkah ke Kota Madinah pada tahun 622 Masihi.

Penghijrahan tersebut telah membuka lembaran baharu apabila bertakunya perkembangan dan penyebaran dakwah Islamiyyah dengan lebih sistematik dan teratur.

Setiap tahun, kedatangan tahun baharu Hijrah mengingatkan kita kepada sejarah suka duka dan pelbagai cabaran yang ditempuhi oleh Rasulullah SAW.

Secara lahiriahnya, hijrah bermaksud perpindahan yang merupakan salah satu strategi yang digunakan Nabi Muhammad SAW bagi tujuan mengembangkan penyebaran agama Islam.

Peristiwa tersebut juga memberi panduan yang jelas kepada kita mengenai erti sebuah pengorbanan dan kejayaan yang terpahat dalam liputan historiografi Islam.

Hijrah Rasulullah SAW bukan semata-mata melibatkan perpindahan dari suatu tempat ke tempat yang lain, tetapi proses perubahan dari satu keadaan ke satu keadaan yang lebih baik.

Bagi menghayati konsep penghijrahan, umat Islam dituntut melakukan pengorbanan untuk berhijrah demi mengharapkan keredaan ALLAH SWT dan kehidupan yang lebih baik, sama ada di dunia mahupun di akhirat kelak.

**Tunaikan Zakat Harta  
Secara Dalam Talian**

- ✓ Jimat Masa
- ✓ Mudah
- ✓ Cepat



Star Imbas

www.zaka1.com



**Online izakat** [www.izakat.com](http://www.izakat.com) **FPX**  
Laman sesawang Zakat Melaka

**Online Channel**

**Online Banking**

**Mobile Apps**

nyawa, ekonomi, keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.

Ramai yang terkesan apabila ada yang hilang pekerjaan, tiada punca pendapatan dan paling menyedihkan, kehilangan orang yang tersayang disebabkan wabak bahaya tersebut.

Sesungguhnya, terdapat hikmah di sebalik penularan Covid-19 ini.

Ia adalah satu peringatan yang diberikan oleh ALLAH SWT kepada hamba-NYA agar melaksanakan tanggungjawab dengan mengikut perintah dan meninggalkan larangan-NYA.

Oleh yang demikian, perubahan diri menjadi lebih baik merupakan satu penghijrahan yang sangat dituntut dalam Islam.

Seandainya jika pada ketika dulu kita dilingkari dengan sifat mazmumah (perilaku buruk), apa kata kita sedaya upaya mentransisikan diri kepada sifat mahmudah (perilaku terpuji).

Sebagai contoh, jika sebelum ini kita terlanjur mempertikaikan dan enggan menunaikan ibadah zakat, pada hal ia adalah satu tuntutan daripada Islam, maka, azam pada Awal Muharam tahun ini, kita laungkan azam baharu.

mulia setiap hari demi mendapatkan rahmat daripada YANG MAHA ESA.

Bagi merealisasikan impian tersebut, umat Islam mestilah berdisiplin dan beristiqamah.

Sentiasa bermuhasabah dan tanamkan dalam diri untuk berubah dengan niat ikhlas dan lakukannya dengan bersungguh-sungguh.

Semoga ketibaan tahun baharu ini akan memberi seribu nikmat dan keberkatan kepada kita semua.

Pada masa sama, berusaha dan melatih diri tanpa jemu untuk menjadi insan yang bertakwa kepada ALLAH SWT.

Mudah-mudahan penghijrahan dan ibadah yang kita lakukan mendapat reda daripada-NYA, sekali gus menjadikan kita hamba yang sentiasa mensyukuri-nikmat yang diberikan. Insyaa-ALLAH.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat boleh layari [www.izakat.com](http://www.izakat.com) atau hubungi talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian WhatsApp 011-5858 3885 untuk info lebih lanjut.

Talian Zakat: **1-300-88-0233** Zakat Melaka [zakat.melaka](https://www.instagram.com/zakat.melaka) [www.izakat.com](http://www.izakat.com)



Hanya **2.5%**  
"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"  
Beribadah Di Hujung Jari. Layari: [www.izakat.com](http://www.izakat.com)